

**SYARAT PENYERTAAN
PERTANDINGAN VIRTUAL INOVASI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN
2021**

1. Tema poster adalah **“INOVASI DAN AMALAN TERBAIK PENGAJARAN DALAM MENDEPANI CABARAN COVID-19”**. Poster perlu selari dengan tema dan mengandungi perkataan berkenaan.
2. Penyertaan TERBUKA kepada semua warga pendidik. **Setiap peserta dibenarkan menghantar lebih dari satu (1) penyertaan.**
3. Terdapat tiga(3) kategori pertandingan iaitu Inovasi Kaedah Pengajaran, Inovasi Media Pengajaran, dan Inovasi Bahan Pengajaran.
4. Setiap poster hendaklah mengikut format yang disertakan.
5. Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang penyertaan pertandingan yang lengkap.
6. Rekaan dan idea poster mestilah hasil ciptaan sendiri dan asli. Urus Setia mempunyai hak untuk menggugurkan penyertaan atau menarik balik hadiah yang telah dimenangi sekiranya didapati poster/produk yang dihantar adalah tidak asli dan diplagiat.
7. Keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
8. Kriteria Penilaian yang ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL	KRITERIA	MARKAH
1	KEASLIAN Poster/produk yang dihasilkan memiliki idea asli dan berkaitan dengan tema pertandingan ini.	20
2	KREATIVITI Poster, produk memiliki ciri-ciri unik, kreativiti baharu, paparan dan reka bentuk yang menarik serta mampu memberi kesan penghayatan tema pertandingan ini.	20
3	BAHASA Poster mempamerkan penggunaan istilah dan bahasa yang tepat, jelas serta tersusun kemas bagi tujuan menyampaikan mesej dan maksud tema dengan berkesan.	20
4	PEMBENTANGAN Penyampian isi kandungan poster jelas dan menyakinkan.	20
5	IMPAK PRODUK Amalan/produk mempunyai ciri-ciri inovasi dalam mendepani cabaran Covid-19 dan boleh memanfaatkan bagi pengajaran.	20

FORMAT POSTER

Setiap penyediaan poster perlu mengikut spesifikasi berikut:

Ukuran : 594 mm x 841 mm (A1)
Bilangan Poster : 1 helai sahaja
Tema : Inovasi Dan Amalan Terbaik Pengajaran Dalam Mendepani Cabaran Covid-19

Kandungan Poster :

PERKARA	KETERANGAN
Abstrak	Penerangan ringkas berkaitan inovasi atau amalan pengajaran.
Pernyataan Masalah	Situasi yang menggambarkan hubungkait kepentingan inovasi atau amalan pengajaran terhadap isu dan masalah semasa
Penerangan Inovasi / Amalan	Penerangan yang jelas berkaitan inovasi atau amalan pengajaran yang dilaksanakan.
Keaslian	Penghasilan inovasi atau amalan pengajaran yang baru dan terkini.
Impak Produk	Kegunaan inovasi atau amalan pengajaran yang mempunyai ciri-ciri inovasi dalam mendepani cabaran Covid-19 dan boleh memanfaatkan bagi pengajaran.

PEMBENTANGAN DAN PAMERAN

1. Peserta perlu menyediakan satu poster bagi inovasi atau amalan pengajaran masing-masing untuk dibentangkan kepada panel juri semasa hari pertandingan.
2. Tarikh, masa dan link ZOOM akan dimaklumkan ketika sesi pendaftaran sebelum pertandingan berlangsung.
3. Kandungan bahan untuk penyediaan poster mestilah bersesuaian dan boleh dimuatkan dalam satu poster yang berukuran **A1 (841 x 594 mm / 33.1 x 23.4 inci)**
4. Antara perkara yang perlu dimuatkan dalam poster ialah **Abstrak, Pernyataan Masalah, Objektif, Penerangan Inovasi / Amalan, Keaslian dan Impak Produk (Kegunaan dan Potensi)** inovasi atau amalan pengajaran masing-masing sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris (seperti format yang disertakan). Kos berkaitan adalah tanggungan peserta sendiri.
5. Para peserta juga digalakkan menyediakan bahan-bahan tambahan seperti *brochures*, lampiran, *PowerPoint*, gambar, sijil-sijil penghargaan, bahan produk atau lain-lain bahan bagi menyokong produk dan hasil inovasi masing-masing.
6. Setiap peserta akan diberikan link ZOOM melalui email.

PENJURIAN

1. Penilaian produk atau hasil inovasi akan dibuat oleh juri-juri berpengalaman yang dipilih oleh penganjur.
2. Peserta hendaklah membuat pembentangan dan demonstrasi inovasi masing-masing kepada panel juri sewaktu sesi penjurian dijalankan.
3. Masa yang diperuntukkan untuk pembentangan dan soal-jawab adalah 15 minit sahaja.
4. Kriteria pemarkahan adalah mengambil kira aspek keaslian, kreativiti, bahasa, pembentangan dan impak produk.
5. **Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.**

Sekretariat
Pertandingan Virtual Inovasi Pengajaran & Pembelajaran 2021